

19 FEB 2002

Ali-Islam

JERMAN LIHAT MALAYSIA SEBAGAI NEGARA ISLAM SEDERHANA

MELAKA, 19 Feb (Bernama) -- Jerman melihat Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai negara dan pemimpin Islam yang sederhana, serta kagum dengan pembangunan negara ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata kenyataan itu disuarakan oleh Duta Jerman ke Malaysia Juergen AR Staks yang membuat kunjungan hormat kepada beliau di Seri Negeri, Air Keroh hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menutup Seminar Isu-isu Semasa Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM), Mohd Ali berkata duta Jerman itu juga menyatakan persefahaman serta perpaduan rakyat di negara ini turut dikagumi oleh para pemimpin negaranya.

"Malaysia mencapai persefahaman yang erat dan baik bukan sahaja di kalangan negara Islam, bahkan juga dengan negara-negara maju lain dan juga negara bukan Islam," katanya

Beliau berkata kesederhanaan yang diamalkan oleh pemimpin negara ini menyebabkan semakin ramai pelancong dari Eropah terutamanya Jerman mengenali Malaysia sebagai sebuah negara aman, maju dan cantik.

Mohd Ali berkata beliau akan menyertai rombongan Perdana Menteri ke Jerman pada bulan hadapan dan akan menemui pusat kanser di Munich dan sebuah pusat K-Ekonomi di universiti negara itu untuk meninjau peluang kerjasama antara Melaka dengan Jerman.

Mengenai perkembangan lain, Ketua Menteri berkata kerajaan negeri akan membina sebuah lagi saluran paip yang menyalurkan air dari Sungai Gersik di Muar ke Empangan Durian Tunggal bagi menampung bekalan air di negeri itu.

"Sekarang kita ada sebuah saluran paip yang menyalurkan 28 juta liter air sehari ke empangan berkenaan dan saluran yang kedua itu bakal menyalurkan sebanyak 14 juta liter air sehari untuk menampung keperluan 68 juta liter air sehari bagi pengguna di Melaka," katanya.

Menurutnya selain empangan Jus yang siap pada Ogos tahun hadapan, saluran paip itu yang sejauh 72 KM, adalah sebagai langkah jangka panjang untuk membekalkan air bersih ke Melaka bagi mengatasi kemungkinan masalah kemarau pada masa hadapan.

Mohd Ali juga berkata Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah diarahkan untuk memantau sebarang usaha mana-mana pihak untuk menghidupkan semula Aurad Muhammadiyah di negeri ini.

Sehingga kini belum ada laporan mengenai kegiatan itu di Melaka, katanya.

Mengenai perkembangan KTIM, beliau berkata kolej berkenaan dijangka akan mengambil 2,000 pelajar pada tahun ini dan akan membina asrama baru di kampus tetapnya di Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah.

"KTIM juga akan membina sebuah masjid di kampus tetapnya dan jumlah pelajarnya dijangka bertambah kepada 15,000 menjelang tahun 2010," katanya.

-- BERNAMA

SBS NMO